Arahan: Modul ini adalah untuk tempoh masa 1 jam			
Mata Pelajaran	BAHASA MELAYU KOMUNIKASI	Sasaran	2 PKKS DEDIKASI 2 PKKS INOVASI
Tarikh	28 Jun 2021	Masa	9.00-10.00 pagi
Tajuk	Tema 5 : Sungaiku Indah Dan Bersih Unit 14 : Kepentingan Sungai		
Standard Pembelajaran	2.1.1 Membaca dan memahami makna (i) perkataan (ii) rangkai kata (iii) istilah 2.1.2 Membaca dengan betul. 2.2.1 Membaca bahan/petikan cerita dengan sebutan yang betul. 3.2.2 Melengkapkan ayat dengan menggunakan perkataan, frasa atau rangkai kata yang sesuai di dalam borang laporan tugas harian		
Objektif Pembelajaran	Pada akhir PDPR murid boleh: 1. Membaca petikan *Sungai Dan Manusia* 2. Menyatakan 4 kepentingan sungai dalam kehidupan kita 3. Menyatakan 3 aktiviti yang boleh dilakukan di sungai 4. Melengkapkan ayat berdasarkan gambar yang diberi		
Tempoh Masa	1 Jam		
Aktiviti Pembelajaran	Sila rujuk link buku teks digital untuk memudahkan pemahaman 1. https://drive.google.com/file/d/1joj0aznfV2PvBSe_6HQEgvR4KFj5jQZn/view?usp=drivesdk 2. Membaca petikan yang disediakan 3. Menyatakan kepentingan sungai dalam kehidupan kita 4. Menyenaraikan aktiviti yang boleh dilakukan di sungai 5. Melengkapkan ayat berdasarkan gambar yang diberi 6. Murid-murid diminta untuk menjawab latihan interaktif di ***Liveworksheet***.		
Latihan	1. Sila jawab soalan interatif yang diberikan 2. Screenshoot jawapan yang telah siap kepada guru ***(jika ada persoalan/pertanyaan boleh hubungi Cikgu di Whatapps)***		
Pentaksiran	Anda akan dinilai berdasarkan tugasan yang diberikan		

LIVEWORKSHEETS

TEMA 4 : SUNGAIKU INDAH DAN BERSIH

UNIT 14 : KEPENTINGAN SUNGAI

UNIT 14 KEPENTINGAN SUNGAI

Mendengar dan Bertutur

Teliti carta di bawah, kemudian berikan idea anda tentang kepentingan sungai.

Sungai Nadi Kehidupan

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 1

1. Berdasarkan rajah di atas senaraikan 4 kepentingan sungai kepada kita mengikut keutamaan yang utama

   a. _____

   b. _____

   c. _____

   d. _____

2. Kepentingan sungai yang utama kepada kita ialah

   _____

3. **Jawab soalan-soalan di bawah.Nyatakan BETUL atau SALAH**

1.	Sungai merupakan sumber utama kehidupan manusia.	
2.	Sungai tidak membekalkan sumber air sebagai minuman, basuhan dan pengairan tanaman.	
3.	Sungai membekalkan air untuk kegunaan pertanian	
4.	Sungai digunakan oleh manusia sebagai jalan perhubungan	
5.	Sungai membekalkan tempat pelancongan dan aktiviti riadah	

LIVEWORKSHEETS

Membaca

Baca kemudian fahami petikan di bawah.

Sungai dan Manusia

Sungai merupakan sumber utama kehidupan manusia. Sungai membekalkan sumber air sebagai minuman, basuhan dan pengairan tanaman. Selain itu, sungai turut membekalkan ikan sebagai sumber makanan kepada manusia.

Sejak zaman dahulu, sungai telah digunakan oleh manusia sebagai jalan perhubungan. Manusia boleh bergerak dari satu destinasi ke satu destinasi dengan menggunakan laluan sungai. Manusia juga menggunakan sungai untuk mengangkut pelbagai jenis barangan jualan dan dagangan. Antara kenderaan yang digunakan termasuklah sampan, rakit, tongkang dan bot.

Kebanyakan kawasan petempatan manusia dibangunkan berhampiran dengan sungai dan muara sungai. Bandar-bandar penting di negara ini mula dibangunkan berhampiran dengan sungai. Bandar raya Kuala Lumpur, misalnya, berkembang sebagai pusat perdagangan terpenting suatu ketika dahulu. Kedudukannya yang strategik, iaitu pertemuan Sungai Klang dengan Sungai Gombak telah memudahkan pelbagai aktiviti dijalankan di sini. Kini, sungai telah dimajukan sebagai tempat pelancongan dan rekreasi. Sungai juga dijadikan tempat perkelahan serta aktiviti berkayak dan bersampan.

LATIHAN 2

1. Apakah aktiviti yang dilakukan di sungai ?

   a. _____

   b. _____

   c. _____

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 3

Menulis

Lengkapkan ayat di bawah.

1. digunakan sebagai pengangkutan air.

Bot digunakan sebagai pengangkutan air.

2. Amin di tepi sungai.

_____.

3. Aktiviti pada zaman dahulu bermula di tebing sungai.

_____.

4. Setiap petang Samson di tepi sungai.

_____.

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN 4

Tulis semula kepentingan sungai berdasarkan gambar yang diberi

1



2

3

4

LIVEWORKSHEETS

'Wah, bagus! Cikgu sangat kagum dengan kamu semua yang kyusuk menyiapkan latihan/tugasan yang diberi. Cikgu sangat yakin, apabila semua pelajar menumpukan perhatian menjawab soalan yang diberikan, tentu latihan/tugasan kamu akan segera siap. Terima kasih kepada semua pelajar yang telah menyiapkannya…..TANIAH

LIVEWORKSHEETS